

Andalusia terus komited tawar khidmat terbaik

BERITA HARIAN 20/5/2023 M/S: 15

Kuala Lumpur: Andalusia Travel and Tours Sdn Bhd meneruskan jalinan kerjasama dengan syarikat penerbangan Malaysia Airlines (MAB) bagi membantu umat Islam mengerjakan umrah dan ziarah dengan harga berpatutan.

Pengarah merangkap Penasihat Undang-Undang Andalusia, Ida Riswana Idris, berkata bagi pemeteraian Memorandum Kerjasama (MoU) kali ini sebanyak 32,050 kerusi penerbangan dibeli dengan nilai kontrak sebanyak RM117,325.

“Sepanjang lapan tahun bersama AMAL (anak syarikat milik penuh Malaysia Aviation Group (MAG), Andalusia berjaya menyantuni puluhan ribu tetamu Allah saban tahun dengan harga pakej umrah mampu milik namun tetap dapat mengekalkan perkhidmatan penerbangan ber taraf antarabangsa.

“Menjadi harapan kami, semoga jalinan kerjasama ini dapat menyedarkan masyarakat khu-

susnya bakal jemaah umrah bahawa pentingnya mereka untuk mencari syarikat pengendali umrah yang mempunyai tiket penerbangan serta penginapan di Mekah dan Madinah yang sudah disahkan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Menandatangani Perjanjian Penerbangan Malaysia Airlines bagi musim umrah 2023-2024, di sini kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pelancongan Seni dan Budaya, Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Ketua Pegawai Operasi AMAL by Malaysia Airlines, Muhammad Najmi Mansor.

Elak beri harapan palsu

Dalam pada itu, Ida berkata syarikatnya mempunyai prinsip untuk tidak menjual apa-apa ‘barangan’ selagi barangan itu tiada bagi mengelakkan memberi se-



Andalusia terus komited menyediakan pakej umrah dengan harga berpatutan kepada pengguna.

(Foto hiasan)

barang harapan palsu kepada pelanggannya.

“Oleh yang demikian, Andalusia akan terus melebarkan pemasaran kami ke seluruh negara bagi memberi kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya untuk berurusan dengan syari-

kat yang boleh menjamin pakej ditawarkan mempunyai tempat duduk atau tiket penerbangan yang disahkan.

“Niat kami hanya satu, iaitu untuk sedaya upaya mengekalkan harga pakej umrah serendah mungkin bagi memberi peluang

untuk lebih ramai umat Islam di negara ini dapat mengerjakan umrah,” katanya.

Mengulas lanjut mengenai pemilihan MAB sebagai rakan kerjasama, Ida berkata syarikat penerbangan itu memberi perkhidmatan yang terbaik serta sering mendapat pujian daripada jemaah yang menggunakan khidmat mereka.

“Rata-rata jemaah ini berpuas hati dengan layanan diberikan, bersesuaian dengan slogan mereka ‘Malaysia Hospitality’ ramai jemaah menganggap seperti berada di rumah sendiri terutamanya daripada sudut sajian makanan serta kemudahan berkomunikasi.

“Berikutan itu kami mengharapkan MAB akan terus berusaha untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan mereka, kemudahan yang terdapat dalam kapal terbang serta kecekapan operasi supaya penerbangan akan datang mencapai piawaian seperti diharapkan oleh jemaah,” katanya.